



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 25 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI KETIKA PKP, KELANTAN, HARAKAH -H11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	BANTU PESAWAH TANGANI PENYAKIT BENA PERANG, PERIKATAN NASIONAL, HARAKAH -H18	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	TURUN KOS KEMBIRI ATASI KUCING TERBIAR, DALAM NEGERI, UM -13	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	100 GUNI BENIH KERANG BERNILAI RM150,000 DIRAMPAS, LOKAL, HM -13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	100 GUNI RM150,000, LOKAL, HM -13	
6.	YU PAUS 1.5 TAN DITEMUI MATI, SIRIP DIPOTONG, NEGERI PERAK/P.PINANG/KEDAH, SH -28	
7.	IKAN YU PAUS MATI MUNGKIN DIBUNUH, NEGARA, KOSMO -12	
8.	SERANGGAN BENA PERANG ROSAK POKOK PADI, KEDAH, HARAKAH -H16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
9.	MUSIM BUBUK, LOKAL, HM -21	LAIN-LAIN
10.	PONDOK TAHFIZ TANAM TERUNG, TERNAK IKAN KELI, NEGERI KELANTAN, SH -29	
11.	PENIAGA PASAR TANI RISAU REZEKI TERJEJAS, NEGARA, KOSMO -18	
12.	IMPORT DAGING: BUMIPUTERA DINAFI HAK, PELUANG, DALAM NEGERI, UM -8	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Bekalan makanan mencukupi ketika PKP

Oleh **RIZAL TAHIR**

TUMPAT: Mana-mana kaki-tangan dan pegawai yang terbabit dengan sindiket daging tetap akan berdepan dengan tindakan tegas.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, tidak kira individu terbabit melibatkan pegawai atau kaki-

tangan akan diambil.

Katanya kerajaan tidak akan berkompromi dengan mereka yang didapati melakukan kesalahan.

"Saya bukan nak komen salah atau tidak terhadap pegawai berkenaan, tetapi pihak yang bertanggungjawab (penguatkuasa) melakukan tanggungjawab mereka," ujarnya di sini baru-baru

ini.

Beliau diminta mengulas berhubung dakwaan tiga penolong pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor Bahru direman 5 hari berhubung siasatan terhadap isu sindiket daging.

Menurutnya kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai atau individu yang didapati melakukan kesalahan.

Pada tahun lepas heboh dikatakan ada sindiket mengimport daging dari luar negara yang memamerkan logo halal palsu Jakim.

Che Abdullah juga berkata, bekalan makanan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sekarang masih lagi mencukupi.

"Kementerian sentiasa memperkasakan usaha memastikan bekalan makanan mencukupi. Ia bermula daripada pengeluaran, pemerosesan dan pasaran," ujarnya.



Che Abdullah Mat Nawi menziarahi penduduk yang terlanjar sakit.

Bantu pesawah tangani penyakit bena perang



Razman Zakaria meneliti penyakit bena perang ketika lawatan di sawah di Kampung Parit Mentera 3 Bagan Serai.

BAGAN SERAI: Jabatan Pertanian memperuntukkan RM40,000 bagi menyediakan bantuan racun untuk membantu petani menangani padi mereka diserang penyakit bena perang. -

Pengarah Jabatan Pertanian Perak Norsiyenti Othman berkata, mengikut prosedur operasi standard (SOP) pengawalan sekitar 50 meter kawasan yang diserang bena perang disemur dengan racun. Selain itu katanya perlu dilakukan pemantauan dengan lebih kerap.

"Lebih 10 ekor populasi bena perang boleh merosakkan sawah dalam masa satu atau dua hari. Bena perang hidup dan bertelur di batang padi," katanya pada program turun padang di Surau al-Firdaus di Parit Haji Ali di sini baru-baru ini.

Tinjauan itu diketuai Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan Razman Zakaria.

Menurutnya juga pihaknya akan memasang

perangkap berbentuk jaring dan lampu bagi mengesan kehadiran awal serangga bena perang.

Razman pula berkata, seramai 112 petani di tiga kampung di sini mengalami kerugian keseluruhan sehingga RM24,000.

Katanya tanaman mereka diserang penyakit itu melibatkan kawasan seluas 79 hektar sawah di Kampung Parit Haji Ali, Parit Mentera dan Alor Pongsu di kompartmen F.

"Penyakit bena perang dibawa melalui angin dan serangan itu menyebabkan padi hangus, bertompok merah serta tidak berisi.

"Sawah terbabit juga diserang penyakit lain seperti reput perang seludang, hawar seludang, pianggang dan ulat pengorek barang dan reput batang," katanya.

Razman yang juga Adun Gunung Semanggol berkata, pemantauan awal dapat mengelak sawah terus mengalami kerosakan ekoran serangan bena perang, yang bergerak mengikut angin. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13

Turun kos kembiri atasi kucing terbiar

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dirayu agar dapat mengurangkan kos kembiri haiwan dalam usaha mengatasi kucing terbiar yang banyak dibuang pemiliknya.

Perkara ini disuarakan Presiden Kelab Kucing Malaysia, Khalid Rashid sambil menegaskan, isu itu tidak mungkin timbul jika kos kasi haiwan berkenaan mampu ditanggung orang ramai.

"Saya lihat isunya berpunca kos pemandulan amat mahal sampai mencecah RM200 dikenakan DVS dan ia luar kemampuan mereka yang miskin," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Beliau mengulas luahan dukacita Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin mengenai kes pengabaian kucing ketika ini.

Istana Alam Shah dalam bantaran melalui laman sosial rasmi Facebook Selangor Royal Office semalam menyatakan, baginda berdua juga terkilan ada yang berlaku kejam ke atas haiwan itu.

Menjelas lanjut, Khalid berkata, beliau sendiri sudah bercakap dengan Tengku Permaisuri Norashikin untuk dilancarkan kempen kembiri bagi menangani isu lambakan kucing jalanan.

"Baginda setuju secara peribadi berhasrat mahu pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor contohi cara Turki yang tangkap dan dikasi sebelum dilepaskan balik di taman," katanya.

Khalid menambah, isu peningkatan kucing terbiar berlaku apabila ramai tidak dapat membela setelah hilang kerja atau dipotong gaji susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Mereka juga katanya, terpaksa berbuat demikian kerana tidak mampu membayar caj pemandulan agak tinggi dan terpaksa membuang di jalanan kerana bimbang kucing itu kelak akan membiak banyak anak.

Justeru, beliau menyeru DVS hanya mengenakan kos ubat yang jauh lebih mengamurah di bawah RM20 bagi kawal kelahiran atau mengenakan subsidi khas untuk pelanggan golongan B40.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH DAN JENAYAH	20

100 guni benih kerang bernilai RM150,000 dirampas

SEKINCHAN - Seorang pemandu lori ditahan ketika cuba menyeludup keluar 100 guni benih kerang bernilai RM150,000 dalam satu operasi di Sekinchan di sini pada Sabtu. Dalam kejadian jam 12.20

tengah hari itu, lelaki berusia 30-an itu ditahan sepasukan anggota Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) Pelabuhan Klang, Jabatan Perikanan Negeri Selangor.

Pengarah Perikanan Sela-

ngor, Abdul Rahman Abdul Wahab berkata, ketika pemeriksaan menemui benih kerang yang diletakkan di belakang lori tanpa sebarang dokumen yang sah dari Jabatan Perikanan Malaysia.

“Kita masih menjalankan siasatan ke mana benih kerang itu hendak dijual di pasaran. Siasatan lanjut di bawah mengikut Akta Perikanan 1985,” katanya pada Ahad.

Menurutnya, pihaknya turut membuat beberapa tangkapan dan sitaan anak kerang, kenderaan darat dan peralatan tangkapan melalui operasi *Black Gold* yang dilancarkan pada 17 Disember tahun lalu.

“Objektif operasi ini bertujuan membanteras kegiatan mencuri benih dan anak kerang di perairan Selangor,” katanya.



Sebahagian benih kerang dan lori yang dirampas pada Sabtu dibawa ke Pusat Tahanan Vesel Kuala Selangor untuk siasatan lanjut.



LORI membawa 100 guni benih kerang yang cuba diseludup. Gambar kecil: benih kerang.

100 guni RM150,000

Lelaki cuba seludup benih kerang ke negara jiran

Oleh Amirul Aliman
Hamsuddin
am@lumetro.com.my

Sekeloa

Cuba seludup keluar 100 guni berisi benih kerang seberat lebih dari negeri ini menggunkan lori.

Bagaimanapun tindakan lelaki berusia 30-an itu berjaya digagalkan seriosukan anggota Cawangan Perlindungan Sumbatan Pelabuhan Klang, Jabatan Perikanan Selangor di Simpang Tiga, Sungai Lang di sini, kelmarin.

Suspek dipercayai cuba membawa keluar benih kerang dari perairan daerah ini untuk diseludup ke negara jiran.

Difahamkan setiap satu

guni benih kerang yang sudah mencapai saiz lebih dari 4 milimeter (mm) ini berharga RM500.

Pengarah Jabatan Perikanan Selangor Abdul Rahman Abdul Wahab berkata, hasil pemantauan dan risikan anggota mengesan sebuah lori yang dipandu dalam keadaan mencurigakan di lokasi kejadian.

Beliau berkata, anggota pada jam 12.20 tengah hari dan hasil pemeriksaan menemui 100 guni benih kerang di bahagian belakang kenderaan berat itu.

"Kita percaya benih kerang ini dibawa tanpa sebarang dokumen yang sah dari Jabatan Perikanan Malaysia selain disyaki mahu dibawa keluar dari negeri ini.

"Benih kerang, lori dan pemandu dibawa ke Pusat Tahanan Vesel Kuala Selangor untuk tindakan lanjut mengikat Peraturan 4 (1) Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuhibaraan dan Kultur Kerang) 2002," katanya.

Beliau berkata, anggaran nilai rampasan berjumlah RM150,000.

Sehubungan itu, Abdul Rahman memberi amaran kepada orang ramai terutama nelayan supaya tidak terbabit dalam kegiatan mencuri benih kerang.

"Orang ramai atau nelayan yang mempunyai maklumat sahih tentang kegiatan mencuri anak dan benih kerang diminta melaporkan kepada pejabat perikanan daerah.

"Kami akan terus memantau rami kegiatan haram ini dan bersedia menahann sahaja yang terbabit," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ P.PINANG/ KEDAH	28

Yu paus 1.5 tan ditemui mati, sirip dipotong

LUMUT - Bangkai ikan yu paus sepanjang 5.7 meter dengan kesan sirip kannanya dipotong ditemui terapung di perairan Sungai Dinding, Sitiawan di sini pada Sabtu.

Malah hasil bedah siasat yang dijalankan mendapati perut mamalia atau nama saintifiknya, *Rhincodon typus* itu mempunyai plastik dan ranting kayu.

Ketua Cawangan Mamalia Marin Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang, Mohd Tamimi Ali Ahmad berkata, kedua-dua faktor tersebut disyaki menjadi punca kematian yu paus itu.

Bagaimanapun, menurutnya, punca sebenar kematian ikan seberat 1.5 tan itu masih dalam siasatan.

"Bangkai mamalia yang masih juvenil itu ditemui nelayan sekitar jam 3

petang pada Jumaat dan anggota Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) Kampung Acheh dan myKomuniti Perikanan (myKP) Teluk Senangin digerakkan untuk mencari bangkai mamalia itu.

"Usaha mencari bangkai ikan itu mengambil masa dua hari kerana terperangkap di kawasan bakau dan ia dipercayai sudah mati sejak empat hari lalu," katanya di sini pada Ahad.

Mohd Tamimi berkata, mamalia itu dikategorikan spesies marin terancam berikutan populasinya antara seekor hingga tiga ekor dan biasa ditemui di perairan Pulau Sembilan, Bagan Datuk.

"Kita khuatir sirip ikan itu hilang disebabkan tindakan individu yang tidak bertanggungjawab kerana nilai pasaran yang tinggi untuk dijadikan makanan eksotik," katanya.

FOTO: IHSAN PEMBACA



Yu paus ditemui mati dengan kesan sirip dipotong di perairan Sungai Dinding, Sitiawan.

Sirip pektoral kanan dipotong dipercayai untuk tujuan perdagangan

Ikan yu paus mati mungkin dibunuh

Oleh SHAMSUL KAMAL
AMARUDIN

LUMUT – Ikan yu paus berusia lima tahun ditemui mati dipercayai akibat perbuatan khianat berikutan penemuan bangkainya dengan sirip kanan dipotong.

Bangkai haiwan berukuran 5.7 meter panjang dan berat 1.5 tan metrik itu ditemui tersangkut pada pokok bakau di Jeti Damar Laut, Segari di sini pada pukul 6.30 petang kelmarin.

Ketua Cawangan Marnalia Marin Institut Penyelidikan Perikanan Rantau Abang, Mohd. Tamimi Ali Ahmad berkata, sebelum itu, pejabat Jabatan Perikanan menerima maklumat daripada nelayan mengenai penemuan bangkai ikan itu di perairan Pulau Pangkor pada pukul 3 petang, Jumaat lalu.

"Bertindak atas maklumat, anggota Cawangan Perindungan Sumber Pejabat Perikanan Negeri (PPN) di Kampung Acheh melakukan pencarian selama dua hari sebelum menemuinya petang semalam (kelmarin).

"Bangkai tersebut kemudian dibawa ke PPN untuk tindakan selanjutnya," katanya pada sidang akhbar di PPN Kampung Acheh semalam.



BANGKAI ikan yu paus dibawa ke Jeti Perikanan Kampung Acheh, Sitiawan untuk disiasat selepas ditemui terapung oleh nelayan kemarin.

Beliau berkata, berdasarkan keadaan bangkai itu, yu paus tersebut dipercayai mati pada Khamis lalu.

Bedah siasat yang dilakukan ke atas spesies marin itu menemui sampah seperti plastik, ranting kayu selain air laut dengan isipadu sebanyak 37 liter di dalam kantung

perutnya.

Yu paus atau nama saintifiknya *rhincodon typus*, dipercayai hidup di sekitar gugusan Pulau Sembilan, Bagan Datuk yang mempunyai banyak sum-

ber makanan ikan kecil seperti ikan bilis, plankton dan udang geragau.

pihak tidak bertanggungjawab yang memotong sirip pektoral kanan sebelum dilepaskan semula ke laut.

Punca sebenar kematian ikan itu bagaimanapun masih disiasat.

Mereka yang menganiaya haiwan itu boleh didenda sehingga RM20,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam) 1999 (Pindaan) 2019 Akta Perikanan 1985.

Mohd. Tamimi berkata, sirip ikan itu dijadikan hidangan sup dan dijual pada harga RM100 hingga RM1,000 semangkuk.

Beliau percaya spesies ikan itu tidak banyak di perairan Pulau Sembilan antara dua hingga tiga ekor dan berhijrah ke lokasi lain sekiranya menemui sumber makanan lain.

"Spesies yu paus boleh membesar 12 hingga 18 meter panjang dan mencecah berat 13 tan. Jangka hayatnya pula boleh mencapai sehingga 30 tahun," katanya.

Sejak 2000 hingga awal tahun ini, sebanyak 36 kes yu paus direkodkan terdampar di pantai negara ini termasuk yang masih hidup atau sudah menjerang di bangkai.

25/1/2021

HARAKAH

KEDAH

H16

Serangga Bena Perang rosak pokok padi

ALOR SETAR: Masalah serangan serangga perosak Bena Perang di sawah sehingga menjejaskan pokok padi di Yan turut mendapat perhatian segera Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Pengerusinya, Ustaz Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, MADA berusaha membantu petani bagi mengurangkan risiko serangan perosak terhadap tanaman padi.

Katanya, MADA merekodkan data serangan Bena Perang dan Hopperburn dalam sistem yang dikenali sebagai GIS SMP.

"Melalui data itu ia akan dimasukkan secara langsung untuk membolehkan pegawai pengembangan MADA melaporkan terus data serangan ke lapangan.



Ustaz Ahmad Tarmizi Sulaiman

"Berdasar laporan GIS SMP (sehingga 16 Januari) seluas 213 hektar diserang serangga Bena Perang dan 76.40 hektar pula Hopperburn," kata beliau di sini.

Menurutnya juga pengawasan dan ramalan per-

sak (PNR) dilaksanakan di lapangan dengan kerjasama Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian.

Kata beliau di kawasan MADA terdapat 945 point PNR yang ditetapkan bagi mengesan awal kehadiran serangga perosak.

Berikutan itu sehingga 16 Januari lepas sebanyak 131 bendera amaran dikeluarkan secara berperingkat.

Oleh itu beliau berharap petani perlu melakukan pemantauan ladang dengan lebih kerap.

Bena Perang atau nama saintifiknya Nilaparvata Lugens merupakan salah satu serangga perosak utama tanaman padi.

"Manakala dalam perkembangan berkaitan Adun Sungai Limau Ustaz Mohd Azam, Abdul Samat berharap masalah tersebut

dapat diatasi segera. "Alhamdulillah dalam pertemuan bersama Pengerusi MADA banyak perkara dibincangkan untuk mengatasi serangan Bena Perang di daerah Yan," ujar beliau.



Serangga Bena Perang.

Ustaz Azam Ab Samad meninjau pokok padi yang diserang serangga perosak.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2021	HARIAN METRO	LOKAL	21

Musim bubuk



UDANG geragau atau lebih dikenali sebagai bubuk hasil tangkapan nelayan ketika firjauan musim bubuk di sekitar pantai Kampung Tanjung Aru, semalam. Udang geragau segar di Labuan dijual dengan harga RM8 sekilogram.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	29

Pondok tahfiz tanam terung, ternak ikan keli

TANAH MERAH - Pondok Tahfiz Padang Bongor tidak sekadar berharap kepada yuran pelajar dan sumbangan orang ramai untuk mengurus pusat pengajian, sebaliknya turut mengambil inisiatif menanam terung dan menternak ikan keli bagi menjana pendapatan tambahan pondok berkenaan.

Mudir Pondok Tahfiz Padang Bongor, Md Zilizam Sibawah berkata, projek fertigasi penanaman terung dan penternakan ikan keli itu berjaya menjadikan pondok berusia hampir 10 tahun yang menempatkan 70 pelajar itu mempunyai sumber kewangan mampan dalam menguruskan komitmen bulanan yang tinggi.

Katanya idea beliau untuk memulakan penanaman terung di bahagian bumbung bangunan telah dilaksanakan pada Ogos tahun lepas, dan percubaan kali pertama berjaya membuahkan hasil agak baik, sehingga boleh dijual kepada penduduk setempat dan pemborong.

“Sekarang ini kami tanam 500 pokok terung di atas bumbung bangunan dengan kaedah fertigasi dan mengutip hasil dua atau seminggu sekali untuk dijual kepada pemborong di pusat bandar Tanah Merah dengan harga RM6 sekilogram.

“Usaha kami ini sedikit sebanyak mendapat bantuan



Md Zilizam memeriksa keadaan terung diusahakan menggunakan kaedah tanaman fertigasi ketika ditemui di pusat pengajian itu pada Ahad.

daripada kerajaan negeri yang menyumbangkan rumah hijau untuk dipasang di atas bumbung bagi melindungi tanaman ini daripada rosak,” katanya ketika ditemui di pondok tahfiz berkenaan pada Ahad.

Sementara itu, mengenai ternakan ikan keli, penyelia pondok tahfiz berkenaan, Uthman Muhamed berkata pada peringkat awal, beliau mengeluarkan modal sendiri iaitu sebanyak RM3,000 bagi melaksanakan inisiatif itu.

“Pada Ogos tahun lalu, apabila pihak pondok tahfiz memutuskan mahu membuat

pertanian dan penternakan untuk jana pendapatan, kami fikir dengan cara ternak ikan keli sesuai dilakukan di sini sebab ia mudah dan hasil juga banyak.

“Sekarang ini kita ternak 10,000 ikan keli dan telah menjual 600 kilogram dalam tempoh tiga bulan lalu dengan harga RM6 sekilogram,” katanya.

Uthman berkata, mereka turut bercadang memperluaskan inisiatif di tanah kosong milik pondok tahfiz berkenaan yang terletak berdekatan dengan pusat pengajian itu, memandangkan ia dilihat dapat membantu kewangan mereka. - *Bernama*

Peniaga pasar tani risau rezeki terjejas

JOHOR BAHRU – Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilanjutkan di negeri ini sehingga 4 Februari depan memberi kesan kepada golongan peniaga pasar tani hingga menjejaskan pendapatan harian mereka.

Lebih menyedihkan apabila operasi di pasar tani hanya dihadkan bermula pukul 7 pagi hingga 2 petang, berbeza dengan pengusaha premis makanan dan restoran yang dilanjutkan sehingga pukul 10 malam.

Tinjauan yang dibuat di pasar tani di Larkin, di sini mendapati, rata-rata peniaga mengeluh dengan waktu operasi berniaga yang dilihat terlalu singkat.

Menurut peniaga, Azmi Abu Bakar, 47, kesan yang dialami amat ketara lebih-lebih jumlah pengunjung yang masuk ke kawasan pasar dihadkan dan dibuat secara berperingkat bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) penjarakkan fizikal dilakukan.

Katanya, sekatan masa ini juga membuatkan pelanggan berkira-kira untuk datang se-

mula memandangkan mereka hanya diberikan masa 15 minit untuk berada di dalam kawasan perniagaan.

"Sejak PKP kembali dilaksanakan di negeri ini, hasil jualan turut terjejas. Jika sebelum ini, kami mampu meraih hasil jualan lebih RM1,000 sehari, namun kini tidak lagi," katanya.

Seorang lagi peniaga, Rosdi Abu Bakar, 50, berkata, dia tidak ada pilihan lain selain akur dengan keputusan yang dibuat pihak kerajaan dalam usaha memutuskan rantaian penularan wabak Covid-19 di negeri ini.

Katanya, disebabkan tempoh PKP dilanjutkan lagi, dia tidak mahu menanggung risiko dengan mengambil sayur-sayuran dalam jumlah yang besar bagi meminimumkan jumlah kerugian ditanggung disebabkan kuasa memberi yang berkurangan.

"Disebabkan masa yang pendek, saya pun tidak ambil banyak sayur-sayuran, ambil cukup-cukup untuk mampu dijual sahaja. Itu pun banyak juga yang berbuang kerana tidak boleh simpan lama," jelasnya.



AZMI menunjukkan pelbagai hasil laut yang dijual di premisnya di pasar tani Larkin, Johor Bahru baru-baru ini.

Import daging: Bumiputera dinafi hak, peluang

Oleh HADI AB. MANAP
hadi.manap@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman mendedahkan bahawa pengimport daging bumiputera dinafikan hak dan peluang dalam industri itu sejak sekian lama.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Parlimen Pasir Salak itu mendakwa, industri bernilai berbilion ringgit itu dimonopoli dan dikawal beberapa pengimport bukan bumiputera, sedangkan pasaran terbesar daging halal adalah orang Melayu Islam.

Beliau berkata, lebih menyedihkan ruang dan peluang kepada pengimport bumiputera yang hanya 10 peratus dalam industri itu tertutup akibat 'permainan' oleh kartel berkenaan.

Menurutnya, perkara tersebut telah beberapa kali disuarakan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang meluluskan permit import tetapi tidak ada perubahan.

"Masa saya di kementerian dulu, saya persoalkan banyak kali kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Saya tak puas hati kenapa *share* import daging bumiputera hanya 10 peratus

“

Mereka memonopoli hampir 90 peratus import daging ke Malaysia. Bila ada pengimport bumiputera yang mahu berurusan, mereka tak mahu layan kerana sudah ada deal dengan pengimport bukan bumiputera.”

TAJUDDIN ABDUL RAHMAN



daripada jumlah import.

"Saya luluskan satu syarikat eksport di India untuk memberi peluang kepada syarikat pengimport bumiputera. Syarikat di India yang sedia ada tak boleh diharap, mereka sudah berpakat dengan pengimport bukan bumiputera.

"Mereka memonopoli hampir 90 peratus import daging ke Malaysia. Bila ada pengimport bumiputera yang mahu berurusan, mereka tak mahu layan kerana sudah ada *deal* dengan pengimport bukan bumiputera," katanya ketika dihubungi semalam.

Sejak 4 Januari lalu, Suru-

hanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan lapan individu bagi membantu siasatan berhubung isu kartel daging sejuk beku.

SPRM dalam satu kenyataan memberitahu, sebanyak 27 saksi terdiri daripada pekerja syarikat, ejen pengimport serta pegawai kerajaan dipanggil bagi membantu siasatan.

Ditanya mengenai perancangannya andai masih menjawat portfolio itu, Tajuddin berkata, pihaknya berhasrat mewujudkan kuota khas bumiputera sama seperti yang diimplementasi pada Lesen Import (AP)

kenderaan.

"Saya berkali-kali buat penegegasan berkenaan perlunya sistem kuota supaya ada keadilan di antara pengimport bumiputera dan bukan bumiputera. Cara yang boleh diguna pakai sama seperti kuota AP kenderaan.

"Cara itu telah terbukti berhasil contohnya syarikat Naza. Dari segi kehalalan pula, saya minta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) buat pemeriksaan secara berkala di pusat-pusat sembelihan, bukan sekadar bagi perakuan halal, kemudian lima tahun baru pergi periksa semula," tegasnya.